

**IDEALISME PEMBEBASAN DAN
PEMBAHARUAN: SUATU KAJIAN TEORI
HUMANISME ISLAM ALI SHARI'ATI DALAM
KARYA TERPILIH KUNTOWIJOYO**

ALMAHERA BINTI ABU HASSAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**IDEALISME PEMBEBASAN DAN
PEMBAHARUAN: SUATU KAJIAN TEORI
HUMANISME ISLAM ALI SHARI'ATI DALAM
KARYA TERPILIH KUNTOWIJOYO**

oleh

ALMAHERA BINTI ABU HASSAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2023

PENGHARGAAN

Dengan nama Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Tuhan mengizinkan segala-galanya, selawat serta salam kepada junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W. Syukur tesis ini berjaya diselesaikan sepenuhnya. Dengan rendah hati saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terpermanai kepada Profesor Dato' Seri Dr. Md Salleh Yaapar, selaku penyelia yang banyak bersabar memberi bimbingan, mendengar dan menyarankan pandangan bermakna sepanjang tempoh pengajian ini. Tidak dilupakan juga Dr. Wan Hasmah Wan Teh sebagai penyelia bersama dan para pensyarah Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Terima kasih untuk segala tunjuk ajar dan sumbangan ilmu sepanjang saya belajar di universiti ini. Sentiasa dalam ingatan Allahyarhamah Profesor Madya Dr. Rahimah A. Hamid, yang pernah menjadi penyelia bersama tesis ini.

Tiada kata dapat diungkapkan kepada kedua ibu bapa yang saya sanjungi, Abu Hassan bin Ismail dan Rosidah binti Haji Hassan Basri. Tuhan saja mengetahui segala pengorbanan dan jasa baik mereka selama ini yang membiayai yuran pengajian, memberi restu serta panjatan doa tiada hentinya. Diharapkan mereka sentiasa mendapat perlindungan dan kasih sayang Tuhan yang Maha Esa. Buat adik-adik yang dikasihi, terima kasih kerana tidak jemu memberi dukungan moral sekali gus menyaksikan segala perit jerih perjuangan ini. Kepada Nurul Afiqah binti Zahrin, pelajar Ijazah Pertama Sains Kimia juga merupakan bekas pelajar semasa berkhidmat secara sambilan di Maktab Rendah Sains Mara Taiping. Terima kasih untuk kerendahan hati kerana sudi membantu dan menyambut baik kedatangan saya yang sering kali berulang-alik dari Taiping ke kampus ini.

Pernyataan penghargaan ini turut diberikan kepada pihak-pihak yang banyak membantu, memberi idea dan menginspirasi saya sepanjang penulisan tesis ini. Antaranya, Allahyarham Pak Andika Saputra, S.T., M.Sc. (Pengasas SEED Institute/ Pensyarah Universitas Muhammadiyah Surakarta) serta seluruh komuniti SEED Institute Surakarta, Indonesia yang memberi saya kesempatan untuk mengikuti hampir 10 siri kuliah ‘Sekolah Profetik: Membaca Pemikiran Kuntowijoyo’, Persatuan Pelajar Indonesia (PPI) Malaysia, Allahyarham Profesor Dr. Azyumardi Azra, sahabat-sahabat karib yang mengenali diri ini dan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Didoakan segala kebaikan berbalik pada kalian. Akhir kalam, terima kasih buat diri yang kerdil ini kerana telah bertabah selama enam tahun lamanya. *Alhamdulillah 'Ala Kulli Hal!*

Semoga bermanfaat. *Barakallahu fiikum. Amin Ya Rabbal 'Alamin.*

Almahera binti Abu Hassan

Taiping, Perak

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
JADUAL KANDUNGAN.....	iv
SENARAI RAJAH.....	viii
SENARAI SINGKATAN.....	x
ABSTRAK.....	iiix
ABSTRACT.....	xi
 BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	4
1.3 Objektif Kajian.....	8
1.4 Kepentingan Kajian	9
1.5 Skop dan Batasan Kajian.....	11
1.6 Tinjauan Kajian Lepas.....	14
1.6.1 Kajian Terhadap Karya-Karya Sastra Kuntowijoyo.....	15
1.6.2 Konsep Humanisme Islam.....	20
1.6.3 Pemikiran Ali Shari'ati.....	23
1.7 Kerangka Teori.....	28
1.8 Metodologi Kajian.....	34
1.9 Organisasi Tesis	35
 BAB 2 KERANGKA TEORI DAN KONSEPTUAL	
2.1 Pengenalan	38
2.2 Humanisme Islam (<i>Islamic Humanism</i>).....	39

2.2.1	Pandangan Dunia Tauhid (<i>Tawhid Worldview</i>)	42
	2.2.1(a) Agama Revolusioner (<i>Revolutionary Religion</i>).....	47
	2.2.1(b) Misi Kenabian (<i>Prophetic Mission</i>).....	50
2.2.2	Konsep Manusia Unggul (<i>The Ideal Man Concept</i>).....	51
	2.2.2(a) <i>Bashar</i> dan <i>Ensan</i>	52
2.3	Rumusan Kerangka Teori Humanisme Islam.....	54
2.4	Kaedah Aplikasi Kerangka Teori dalam Karya.....	57
2.4.1	Model Kerangka Konseptual.....	57

BAB 3 DUNIA, PEMIKIRAN DAN KORPUS SASTERA KUNTOWIJOYO

3.1	Pengenalan.....	59
3.2	Dunia Dan Latar Belakang Kuntowijoyo	60
	3.2.1 Proses Intelektual dan Pemikiran Kuntowijoyo	66
3.3	Sastera Profetik dan Keterkaitan dengan Teori Humanisme Islam.....	79
	3.3.1 Karya Sastera Terpilih Kuntowijoyo.....	82
3.4	Kesimpulan.....	92

BAB 4 PANDANGAN DUNIA TAUHID: ANALISIS IDEALISME

PEMBEBASAN DALAM KARYA KUNTOWIJOYO

4.1	Pengenalan.....	95
4.2	Manusia Habil lawan Manusia Qabil	98
	4.2.1 Kuasa Politik	99
	4.2.1(a) Penyangkalan Hegemoni Dominan Dalam <i>Mantra</i> <i>Pejinak Ular</i> (2000).....	100
	4.2.2 Kuasa Ekonomi.....	116
	4.2.2(a) Pembasmian Kemiskinan Dalam <i>Waripin dan Satinah</i> (2003).....	117
	4.2.2(b) Penolakan Kapitalisme Kroni Dalam <i>Pasar</i> (1994).....	121

4.2.3	Agama lawan Agama.....	128
	4.2.3(a) Pertikaian Terhadap Tradisi Konservatif Dalam <i>Mantra Pejinak Ular</i> (2000), dan <i>Wasripin dan Satinah</i> (2003).....	129
4.3	Konsep Hijrah Nabi Muhammad S.A.W.....	138
4.3.1	Persona Nabi Muhammad S.A.W Dalam <i>Mantra Pejinak Ular</i> (2000) dan <i>Wasripin dan Satinah</i> (2003).....	139
4.3.2	Norma Perubahan Sosial: Emansipasi Diri dan Keadilan Massa Dalam <i>Topeng Kayu</i> (2001)	148
4.4	Kesimpulan.....	156

BAB 5 KONSEP MANUSIA UNGGUL: ANALISIS IDEALISME

PEMBAHARUAN DALAM KARYA KUNTOWIJOYO

5.1	Pengenalan.....	164
5.2	Berkesedaran Diri.....	166
5.2.1	Penyanjungan Akal Manusia Dalam <i>Wasripin dan Satinah</i> (2003, <i>Mantra Pejinak Ular</i> (2000) dan <i>Pasar</i> (1994).....	167
5.3	Berkemampuan Memilih	177
5.3.1	Kemampuan Memilih dan Menyuarakan Pendapat Dalam <i>Mengusir Matahari: Fabel-Fabel Politik</i> (1999).....	178
5.4	Berdaya Cipta.....	186
5.4.1	Pemeriksaan Watak-Watak Wanita Dalam <i>Wasripin dan Satinah</i> (2003), <i>Mantra Pejinak Ular</i> (2000) dan <i>Pasar</i> (1994).....	187
5.5	Kesimpulan.....	194

BAB 6 KESIMPULAN

6.1	Pengenalan.....	198
6.2	Rumusan dan Dapatan Kajian	199
6.2.1	Paradigma Kerangka Teori Humanisme Islam oleh Ali Shari'ati.....	201

6.2.2	Analisis Tekstual Terhadap Karya Terpilih Kuntowijoyo.....	206
6.2.3	Manusia <i>Rausyanfikir</i> dan Masyarakat Ideal	221
6.3	Implikasi dan Cadangan Kajian.....	224
SENARAI RUJUKAN		227
SENARAI PENERBITAN		

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Aliran humanisme Jacques Maritain dan diaplikasikan oleh Ali Shari'ati.....31
Rajah 2.1	Kerangka teori humanisme Islam oleh Ali Shari'ati.....54
Rajah 2.2	Model kerangka konseptual berasas daripada teori humanisme Islam oleh Ali Shari'ati.....57

SENARAI SINGKATAN

RI	Republik Indonesia
UGM	Universitas Gadjah Mada
NU	Nahdlatul Ulama
Leksi	Lembaga Kebudayaan dan Seni Islam
ISBM	Ikatan Seni Budaya Muhammadiyah
LES-BUMI	Lembaga Seniman Budayawan Muslimin Indonesia
ASRI	Akademi Seni Rupa Indonesia
ICMI	Ikatan Cendekiawan Muslim Se-Indonesia
ABRI	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
G-30S/PKI	Gerakan 30 September
Parpol	Partai Politik
Golput	Golongan Putih
Rutan	Rumah Tahanan
LKMD	Lembaga Ketahanan Masyarakat Desa
Kades	Kepala Desa
Cakades	Calon Kepala Desa
Pilkades	Pilihan Raya Kepala Desa
Caleg	Calon Legislatif
AKS	Abu Kasan Sapari
MPU	Masyarakat Penggemar Ular
Pemilu	Pemilihan Umum

PPP	Partai Persatuan Pembangunan
Golkar	Partai Golongan Karya
TNI	Tentara Nasional Indonesia
NII	Negara Islam Indonesia
Petrus	Penembakan Misterius
Siskamling	Sistem Keamanan Lingkungan

**IDEALISME PEMBEBASAN DAN PEMBAHARUAN: SUATU KAJIAN
TEORI HUMANISME ISLAM ALI SHARI'ATI DALAM KARYA TERPILIH
KUNTOWIJOYO**

ABSTRAK

Kuntowijoyo merupakan seorang pengarang dan pengasas kepada gagasan Sastera Profetik di Indonesia. Kebanyakan kajian yang dilakukan ke atas karya beliau meneliti persoalan kehidupan peribadi dan pemikiran Islam serta keterkaitan Sastera Profetik yang menjadi asas dalam karya-karyanya. Kuntowijoyo banyak menzahirkan keakraban antara ajaran Sufi dengan pengalaman spiritual dengan Tuhan yang Maha Esa dalam karyanya. Beliau turut menyuarakan agar manusia tidak mengeneipkan kesedaran kemanusiaan dan hal ehwal pembangunan masyarakat berlandaskan ajaran Islam yang murni. Kajian ini tidak menafikan kepentingan Sastera Profetik, akan tetapi kajian ini akan meneliti persoalan sikap manusia dan teori humanisme Islam dalam karya sastera beliau masih kurang diwacanakan, malah tidak mendapat perhatian oleh para sarjana sebelum ini. Objektif kajian ini adalah untuk memahami kecenderungan teori humanisme Islam oleh Ali Shari'ati dalam karya sastera terpilih Kuntowijoyo. Lebih daripada itu, untuk memahami idea pembebasan dan menonjolkan idea pembaharuan dalam karya sastera terpilih Kuntowijoyo. Antara karya-karya terpilih Kuntowijoyo yang akan diberikan tumpuan dalam kajian ini terdiri daripada tiga buah novel iaitu *Pasar* (1994), *Mantra Pejajak Ular* (2000) dan *Wasripin dan Satinah* (2003), termasuklah drama *Topeng Kayu* (2001) serta kumpulan cerpen yang bertajuk *Mengusir Matahari: Fabel-Fabel Politik* (1999). Pemilihan karya tersebut berasaskan kepada ketekalan Kuntowijoyo yang menyeluruh dalam meninjau gejala masyarakat daripada pelbagai kelompok kelas sosial. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini

menggunakan teori humanisme Islam oleh Ali Shari'ati untuk memahami idea pembebasan dan menonjolkan idea pembaharuan sekali gus mendedahkan keberanian Kuntowijoyo dalam menegakkan kebenaran manusiawi yang dipinggirkan. Kajian ini mendapati bahawa kecenderungan teori humanisme Islam oleh Ali Shari'ati bersaling gandingan dengan prinsip-prinsip Sastera Profetik Kuntowijoyo. Hasil penemuan kajian ini signifikan kerana ia sememangnya memupuk keinsafan dan nilai-nilai kebaikan buat individu serta masyarakat setempat agar kehidupan yang mulia terus dipelihara.

**IDEALISM OF LIBERATION AND REFORMATION: A STUDY OF ALI
SHARI'ATI'S THEORY OF ISLAMIC HUMANISM IN SELECTED WORKS
OF KUNTOWIJOYO**

ABSTRACT

Author Kuntowijoyo is associated with developing the idea of Prophetic Literature in Indonesia. Most of studies conducted on his work concentrate on ideas related to ordinary life, Islamic philosophy, and the relevance of the Prophetic Literature, which served as the foundation for his works. In his works of literature, Kuntowijoyo emphasised the intimate relationship between Sufi teachings and his spiritual encounters with God Almighty. He also advocates that, in accordance with the purest Islamic principles, people shouldn't disregard matters relating to community development and social consciousness. This study will analyse the subject of human attitude and the philosophy of Islamic humanism in his literary works that are still less discussed and haven't even obtained attention from scholars, without denying the significance of Prophetic Literature. Based on this aspect, this research aims to specifically understand the theoretical principles of Ali Shari'ati's Islamic humanism in the selected Kuntowijoyo literary works in detail. Moreover, this research seeks to discuss and highlight the effectiveness of selected literary works of Kuntowijoyo in terms of advocating the idealism of liberation based on the theories of Islamic humanism. The selected literary works of Kuntowijoyo include the novels *Pasar* (1994), *Mantra Pejina Ular* (2000), and *Wasripin dan Satinah* (2003). In addition, the drama *Topeng Kayu* (2001) and a collection of short stories entitled *Mengusir Matahari: Fabel-Fabel Politik* (1999) was also used for this study. The selection of literary works of Kuntowijoyo was conducted based on the author's determination and

consistency to evaluate the issues rising in the society based on the various social classes. To achieve this objective, the study proposes a model reading of the theory of Islamic humanism by Ali Shari'ati. The method of reading would be able to identify the discourse of liberation and reformation thus revealing Kuntowijoyo's courage in upholding the human rights of marginalized people. The study found that the theory of Ali Shari'ati's Islamic humanism and the concepts of Kuntowijoyo's Prophetic Literature are highly compatible and complement one another. The findings from this study are significant because they enhance morality and good deeds in both individuals and the community as a whole, thereby sustaining a noble life.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam disiplin ilmu falsafah, idealisme merujuk kepada '*idea-lism*' yang berasal daripada perkataan 'idea'. Penggunaan perkataan idea ini telah dimanfaatkan oleh para ahli falsafah dalam pelbagai makna serta istilah yang tertentu sejak zaman-berzaman lagi. Menyelusuri sejarah, gagasan idealisme telah diperkenalkan oleh seorang ahli falsafah Greek yang terkemuka, iaitu Plato. Interpretasi Plato secara jelas menyatakan bahawa idea yang difikirkan oleh manusia bersifat teknikal dan ditanggapi sebagai teori bentuk. Manakala Decartes pula menanggapi idea sebagai kesan imej terhadap minda (Godfrey, 1982, hlm. 1-2). Dalam hal ini, definisi tepat bagi asas mahupun konsep idea mempunyai tafsiran yang pelbagai dan berbeza-beza. Walau bagaimanapun, pemahaman idea yang diajukan dalam aliran falsafah menyumbang kepada perkembangan pemikiran yang kritis.

Justeru, suatu gagasan idea yang dikemukakan oleh manusia membawa kepada dasar persoalan keinginan akal fikiran rasional yang berupaya mencetuskan wacana positif dan perspektif yang kritis. Kelangsungan pemikiran manusia yang bijaksana sering diketengahkan dalam hubungan masyarakat tidak sahaja membabitkan pembinaan sebuah idealisme, sebaliknya menampakkan fungsi idea dalam mbingkaikan niat atau hasrat terhadap permasalahan yang wujud di sekitar kehidupan manusia hari ini. Dari sudut ini, Karl Manheim (1936) menerusi bukunya

Ideology and Utopia: An Introduction to the Sociology of Knowledge telah menegaskan seperti berikut:

The ideas expressed by the subject are thus regarded as functions of his existence. This means that opinions, statements, propositions and systems of ideas are not taken at their face value but are interpreted in the light of the life situation of the one who express them. (hlm. 56)

Jelaslah bahawa, suatu pemikiran idea bertindak balas terhadap keadaan kehidupan sesebuah masyarakat. Sesungguhnya, persoalan-persoalan yang terpinggir dalam kehidupan manusia berupaya diperhalusi sekiranya sebuah reformasi pemikiran tidak lagi berpegang pada pemahaman yang sempit. Hal ini bermakna, idealisme mampu menyuburkan sisi-sisi pembebasan dan pembaharuan yang dapat memperluaskan perspektif bagi menghidupkan kembali kesedaran manusiawi dalam masyarakat.

Sebenarnya, alam sastera turut mengalami seruan keterbukaan dalam menerima dan menyusupkan wacana pembebasan dan pembaharuan itu. Mendekati perbahasan ini, dipertegaskan bahawa peranan sastera itu bukan soal individualisasi tetapi terletak kepada pengamatan hal ehwal kemanusiaan yang belum selesai dalam kehidupan masyarakatnya. Hal ini demikian kerana, imaginasi dan kesedaran mengenai kemanusiaan dalam karya sastera jelas mencerminkan segala hal ehwal kompleksiti manusia (Shahnon Ahmad, 1992, hlm. 147). Maka dari sastera, lahirnya pengarang yang membangunkan dan menyumbangkan pelbagai bentuk aliran pemikiran menerusi karya-karya mereka. Keadaan ini menyaksikan bahawa pengarang tidak hanya berfungsi untuk menyampaikan cerita tetapi menggunakan sastera sebagai wadah menyalurkan idea, yakni reaksi kepada persekitarannya.

Abad ke-20 telah memperlihatkan bahawa wacana pembaharuan telah tersebar dan menyuntik aliran moden terhadap kebebasan berfikir dalam masyarakat di alam Nusantara. Ini terbukti dengan munculnya golongan intelektual Melayu yang

berpendidikan agama yang khususnya terinspirasi daripada gerakan *pan-Islamisme* yang diasaskan oleh Syed Sheikh Jamaluddin al-Afghani dan anak muridnya iaitu Sheikh Muhammad ‘Abduh di Timur Tengah. Mereka ini adalah golongan yang mula memelopori pemikiran baharu dan segar dalam wacana agama serta pembangunan sosial masyarakat setempat. Bahkan berperanan dan mengambil tugas besar untuk membasmi amalan-amalan seperti tahyul, khurafat dan bidaah yang menjadi punca berlakunya masalah kemiskinan serta keterbelakangan masyarakat Melayu pada ketika itu. Hal tersebut turut dapat dilihat melalui pembukaan sekolah-sekolah Islam atau *madrasah* serta penulisan dan penerbitan majalah. Dalam hal ini, antara tokoh yang sering dikaitkan dengan reformasi pemikiran atau idea pembaharuan di alam Melayu ini ialah Syed Sheikh al-Hady. Beliau muncul dengan naskhah bergenre novel pertamanya yang terbit pada tahun 1925 iaitu *Hikayat Faridah Hanom*. Novel ini berlatarkan negara Mesir yang moden dan disifatkan sebagai wadah pencerahan untuk membawa transformasi sosial dan budaya kepada masyarakat ketika itu. Hal ini turut disebut oleh Mohd Taib Osman (1986) dalam bukunya *An Introduction to The Development of Modern Malay Language and Literature* iaitu:

The novel which was an adaptation from an Egyptian one was used as a medium for Syed Sheikh to convey his ideas of Islamic reform. (hlm. 51)

Sementara itu, sekitar tahun 1970-an alam Melayu atau Nusantara telah menyaksikan suatu kebangkitan semula gerakan Islam dan dakwah yang memberikan angin perubahan dan perkembangan masyarakat di dunia ini, khususnya umat Islam. Dalam konteks Indonesia, hal ini secara tidak langsung turut memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan sastera Islam di sana. Fenomena sastera Islam tersebut bergerak seiring dengan penglibatan aktif badan dakwah atau organisasi Islam seperti Muhammadiyah, Nahdlatul Ulama (NU) dan sebagainya yang tidak terkecuali

menampilkan kesedaran yang manusiawi menerusi jalan kebudayaan (Mohd Faizal Musa, 2012). Barsangkutan itu, salah seorang tokoh pengarang yang lahir daripada fenomena ini ialah Kuntowijoyo. Walaupun telah meninggal dunia sejak tahun 2005, karya-karya beliau tidak hanya dilihat dari perspektif kerohanian Islam tetapi amat peduli serta mengangkat isu-isu manusiawi yang bersifat sejagat. Di samping itu, kemanusiaan yang mahu ditampilkan di sini bukanlah dengan angkuh mengagungkan martabat manusia. Sebaliknya, ia berupaya mengekalkan unsur Ilahi dengan mewujudkan hasrat kemanusiaan yang mempunyai kesedaran sosial untuk mempertahankan masyarakatnya. Walau bagaimanapun, penghayatan keagamaan bersama tanggungjawab moral demi mencapai matlamat kemanusiaan dalam karya-karya sastera Kuntowijoyo tidak banyak diketengahkan sekali gus difahami dengan kukuh oleh para pengkaji. Lantaran itu, asas ideologi keagamaan dan cakupan sastera Kuntowijoyo bukan sekadar tertumpu kepada Sastera Islam, tetapi harus diberikan pertimbangan dalam konteks manusiawi dan isu-isu sekitarnya yang lebih luas. Oleh yang demikian, kecenderungan karya sastera Kuntowijoyo bertolak daripada etika dan akar umbi humanisme Islam yang kukuh seiring berkembangnya toleransi serta pengetahuan keagamaan kritis di Indonesia.

1.2 Permasalahan Kajian

Kuntowijoyo ialah seorang pengarang Indonesia yang berupaya mengusulkan gagasan paradigma Islam sekali gus melonjakkan nama beliau sebagai tokoh pemikir Islam pembaharu di Nusantara. Beliau bukan sahaja seorang pengarang yang menulis karya-karya sastera bahkan juga merupakan seorang intelektual, sejarawan yang bergiat aktif dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian. Sebagai pengarang yang prolifik, penglibatan beliau sebagai ahli Muhammadiyah menjadi titik tolak bagi menyuarakan

permasalahan masyarakat Islam sekali gus memberi perhatian terhadap ketegangan dan kemelut yang berlaku dalam gerakan Islam di Indonesia khususnya (Khairudin Aljunied, 2022, hlm. 109). Lalu, perkembangan peribadi berasaskan pengalaman dirinya sendiri adalah pengaruh besar pada setiap karya sastera yang dihasilkannya. Di sini, Kuntowijoyo menyakini bahawa proses kreatif yang berpusatkan latar kebudayaan Jawa dan peradaban Islam begitu sehati dengan dirinya. Hal ini bermakna, setiap karya sastera yang dihasilkan Kuntowijoyo telah menciptakan naratif dan imaginasi yang berbeza dengan karya pengarang-pengarang moden Indonesia yang lain. Tidak keterlaluan untuk diperkatakan bahawa, Kuntowijoyo tampil memperlihatkan nuansa berbeza dalam karyanya yang nyata menemukan kesinambungan pemikiran rasional, budaya dan penghayatan sejarah manusia itu sendiri.

Jika diteliti, fenomena Sastera Islam dan gerakan dakwah pada tahun 1970-an sehingga 1980-an dikesani memaparkan situasi perubahan dalam kepengarangan sastera Melayu. Sebagai misalnya, Shahnun Ahmad dan Kassim Ahmad tampil dengan polemik yang menegaskan konsep serta definisi Sastera Islam itu berdasarkan pendirian mereka (Ungku Maimumah Mohd Tahir, 1987, hlm. 67). Dalam hal ini, Shahnun Ahmad memberikan penekanan bahawa ciri-ciri kesusasteraan Islam bertunjangan kepada tiga ciri utama, iaitu keindahan, kebenaran dan kebaikan. Bahkan, ketiga-tiga ciri tersebut hendaklah diselaraskan dengan kerangka Tauhid dan Allah SWT (Adli Yaacob, 2017, hlm. 71). Secara umumnya, titik persamaan wacana Sastera Islam dalam korpus kesusasteraan Melayu dan Indonesia cenderung dilandasi dengan Tauhid yang membawa khalayak kepada keredaan Tuhan yang Maha Esa. Namun begitu, sekitar tahun 80-an perkembangan korpus sastera Indonesia cenderung untuk menampilkan pemikiran yang dikenali sebagai aliran sastera sufistik dan profetik. Antara tokoh mapan aliran ini ialah Abdul Hadi W. M. dan Kuntowijoyo

(Wan Anwar, 2007, hlm. 10). Menurut Md Salleh Yaapar (2002, hlm. 64), pengarang-pengarang Indonesia mutakhir seperti H. Danarto, Abdul Hadi W. M., dan Kuntowijoyo tidak sahaja berjaya menghasilkan karya-karya kerohanian, tetapi berperanan besar sebagai seorang pemikir untuk masyarakatnya. Mereka secara terbuka telah memperjuangkan konsep kesusasteraan sufistik atau transendental. Berkait dengan itu, penelitian terhadap karya sastera Kuntowijoyo tidak hanya tertumpu dalam aspek estetika sahaja tetapi mencakupi penyingkapan makna serta pengalaman jiwa manusia yang lebih tinggi, iaitu pada dimensi kerohanian. Relevannya perhatian tersebut telah menyumbang serta mentautkan disiplin ilmu kesusasteraan dengan unsur-unsur metafizik dan kerohanian Islam yang jelas. Dalam erti kata lain, ia menawarkan suatu proses yang dikenali sebagai penyucian jiwa. Maka dalam soal ini, tidak hairanlah kajian lepas mengenai Kuntowijoyo lebih banyak bertumpu kepada riwayat hidup serta hubungkait karya-karyanya dengan perjalanan tasawuf dan praktik sufistik.

Pada masa yang sama, perjalanan karya Kuntowijoyo tidak hanya mengandungi unsur sufistik dan pengalaman spiritual dengan Tuhannya sahaja. Akan tetapi memperlihatkan suatu penghayatan penuh terhadap konsep humanisme Islam yang menampilkan manusia sebagai khalifah Tuhan. Dari pengamatan, karya sastera Kuntowijoyo mengalami peralihan fasa, iaitu dari segi aliran kerohanian sehinggalah kepada sastera yang merakamkan apa sahaja yang berlaku dalam masyarakat sekitarnya. Bagi Kuntowijoyo, sastera ada dua jenis, iaitu “sastra universal-humanistik-emansipatoris-liberal” dan “sastra religius transendental-spiritual”. Ini jelas mengkedepankan pemikiran profetisnya yang merangkumi sisi-sisi humanisasi (*amar ma'ruf*), liberasi (*nahi munkar*) dan transendensi (*tu'minubillah*) (Wan Anwar, 2007, hlm. 8-9). Secara tidak langsung, yang diketengahkan merupakan suatu usaha

Kuntowijoyo untuk memperhalusi dan merungkaikan kemanusiaan setempat terutamanya dalam kerangka sastera. Malah, kesedaran profetik tersebut mengarah kepada pandangan keagamaan yang berupaya mengimbangi hubungan manusia dengan Tuhan dan juga sesama manusia yang lain. Namun, kesedaran profetik Kuntowijoyo masih boleh ditanggapi sebagai pemahaman rohani yang menekankan nilai-nilai estetika dan mengangkat budi pekerti untuk mendidik manusia.

Sehubungan itu, daripada gagasan profetiknya Kuntowijoyo telah melahirkan konsep Sastera Profetik. Kuntowijoyo sering menekankan bahawa Sastera Profetik merupakan sastera yang melakukan perlawanan terhadap sistem sosial masyarakatnya. Pada hakikatnya, berlakunya tindak-tanduk yang bersifat nyah kemanusiaan sehingga menyebabkan taraf manusia itu berada di tahap paling rendah (Wan Anwar, 2007, hlm. 11). Dalam hal ini, Kuntowijoyo berkeyakinan bahawa hanya kemanusiaan yang berupaya memberi penentangan terhadap segala perilaku yang tidak manusiawi. Sewajarnya, kemanusiaan yang ditanggapi di sini menitikberatkan aspek peradaban Islam yang lunak dengan meneladani perjuangan Nabi Muhammad S.A.W, yakni jelas menolak penindasan dan ketidakadilan ke atas manusia lain. Keupayaan Kuntowijoyo menggagaskan idea pembebasan dan pembaharuan manusia inilah yang tidak diberikan perhatian oleh para sarjana, justeru masih belum utuh kajian mengenainya. Secara tidak langsung, tesis ini akan meneliti dan memahami kedua-dua gagasan tersebut.

Seterusnya, perlu diamati bahawa karya sastera Kuntowijoyo yang bercorak keagamaan tidak hanya berlingkar dalam lingkungan Islam yang sempit. Sesungguhnya sebagai karyawan dan pemikir, bagi Kuntowijoyo keupayaan sastera bergantung kepada kesedaran ketuhanan dan kesedaran kemanusiaan yang luas. Secara kritis, Kuntowijoyo bertekad untuk membangunkan dan mengekspresikan keagungan Tuhannya dengan menghidupkan kesedaran sosial melalui karya sasteranya. Tatkala

sastera dijadikan medium untuk memperlihatkan segala perilaku manusia, maka wajarlah persoalan mengenai peranan serta fungsi seorang pengarang dalam menanggapi isu masyarakatnya itu diteliti secara mendalam. Pada masa yang sama, perbincangan dan keprihatinan hal ehwal humanisme Islam berasaskan karya-karya sastera Kuntowijoyo tidak banyak dibincangkan serta diketengahkan. Hal ini demikian kerana, gagasan Sastera Profetik beliau masih dianggap sebagai wacana sastera Islam yang bertemakan keagamaan dan pemaknaan simbol ketuhanan yang abstrak.

Menyedari hakikat kelompongan ini, maka suatu kajian yang mengambilkira permasalahan kemanusiaan dalam karya-karya sastera Kuntowijoyo perlu diadakan secara tuntas. Bahkan menurut Azhar Ibrahim (2017b, hlm. 174), gagasan Sastera Profetik Kuntowijoyo telah memberi nafas baharu terhadap kepedulian dalam penghasilan karya kreatif dan juga bagi kritikan sastera. Oleh itu, kajian yang lebih kontekstual dengan mengkedepankan aspek humanisme Islam perlu diberikan perhatian. Hal ini demikian kerana, idealisme pembebasan dan pembaharuan perlu diwacanakan serta tidak boleh diabaikan dalam setiap karya sastera Kuntowijoyo.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini ingin menonjolkan teori humanisme Islam Ali Shari'ati bersama wacana pembebasan dan pembaharuan dalam karya sastera Kuntowijoyo yang terpilih. Justeru itu, objektif-objektif kajian ini adalah:

- i. Memahami kecenderungan teori humanisme Islam seperti yang diketengahkan oleh Ali Shari'ati dalam karya-karya sastera terpilih Kuntowijoyo. Objektif ini akan mendedahkan kekuatan dan keterbukaan teori humanisme Islam oleh Ali Shari'ati apabila menganalisis karya-karya sastera terpilih Kuntowijoyo.

- ii. Memahami idea pembebasan dalam karya sastra terpilih Kuntowijoyo. Objektif ini akan mengamati dan meneliti keberkesanan karya-karya sastra terpilih Kuntowijoyo dalam menganjurkan idea-idea pembebasan berdasarkan teori humanisme Islam.
- iii. Menonjolkan idea-idea pembaharuan dalam karya sastra terpilih Kuntowijoyo. Objektif ini akan memperhalusi karya-karya sastra terpilih Kuntowijoyo dengan mengangkat idea-idea pembaharuan berasaskan teori humanisme Islam.

1.4 Kepentingan Kajian

Pada hakikatnya, tema kemanusiaan telah menjadi salah satu ciri penting dalam kesusasteraan Melayu moden. Menurut Azhar Ibrahim (2020, hlm. 76), selepas tahun 1965 lahirnya pengarang dan pengkritik sastra Melayu di Malaysia seperti Keris Mas, Usman Awang, Shahnnon Ahmad dan Kassim Ahmad yang jelas mencetuskan kesedaran kemanusiaan dalam sastra. Malah, pengarang Melayu-Singapura seperti Masuri SN dan Mohamed Latiff Mohamed turut menonjol malah memperakui nilai-nilai kemanusiaan dalam proses penghasilan karya mereka. Namun dalam kajian ini, orientasi humanisme Islam dalam korpus kesusasteraan Indonesia mendapat perhatian pengkaji dan sewajarnya menjadi rumusan penting terhadap prinsip-prinsip asas kesusasteraan Islam di Malaysia dan Indonesia Hal ini juga berhubung rapat dengan idealisme pembebasan dan pembaharuan, yakni menegaskan kesedaran kemanusiaan sekali gus tafsiran Islam yang bertepatan dengan kesaksamaan demi perubahan sosial, politik serta ekonomi dalam kehidupan masyarakatnya.

Sesungguhnya, sumbangan naratif sastera di Indonesia tidak terhad dalam korpus kesusasteraan tertentu tetapi berupaya mempelbagaikan kompleksiti pemikiran dan nilai kebudayaan masyarakatnya. Jalur perkembangan korpus kesusasteraan Islam di Indonesia telah menggariskan sudut pandang yang berbeza. Kelahiran Sastera Profetik merupakan paduan dan kesinambungan daripada wacana sastera trasendental Ia padat dengan unsur-unsur Islam yang merefleksikan hubungan manusia dengan penciptaNya sehingga kepada pembentukan peradaban masyarakatnya. Oleh yang demikian, Sastera Profetik bertitik tolak daripada tiga ciri utama, yakni mementingkan kemanusiaan dan membebaskan diri daripada realiti, kemampuan pengarang menampilkan simbol dan makna sebagai pesan-pesan pembersihan jiwa serta kesan keindahan dan kebenaran dalam karya sastera (Mohd Faizal Musa, 2011a, hlm. 30-31).

Sebagai seorang pengarang Sastera Profetik, Kuntowijoyo berkeyakinan bahawa paradigma Islam dan peranan kenabian bukan sekadar mengajar kewajipan mentaati suruhan Allah SWT tetapi meliputi cita-cita pembebasan dan pembaharuan, yakni manusia mempunyai autonomi untuk menentukan nasib hidup sendiri berteraskan akar umbi Islam yang adil. Daripada ciri-ciri tersebut, Sastera Profetik menyalurkan aliran yang nyata berbeza dengan perkembangan kemanusiaan dalam sastera Melayu moden. Bersangkutan itu, humanisme Islam yang turut diketengahkan merupakan suatu perspektif yang mampu mewujudkan masyarakat yang dinamik sekali gus menuntut manusia untuk fokus kepada kemaslahatan bersama. Harus ditegaskan di sini, kepentingan kajian ini dapat dilihat seperti yang dijelaskan di bawah:

- i. Membuktikan bahawa karya-karya sastera turut menonjolkan aspek-aspek kepedulian dan keprihatinan ke atas manusia lain serta menjadi pembimbing bagi menjelmakan masyarakat yang lebih baik. Dalam erti kata lain, kelebihan karya-karya Kuntowijoyo ini mempunyai impak yang positif dalam identiti

kesusasteraan Indonesia sekali gus berupaya mempengaruhi penghayatan khalayak sastra di Malaysia.

- ii. Memberikan gambaran bahawa kegiatan pengarang tidak hanya tertumpu untuk memaparkan permasalahan dan kerosakan masyarakatnya sahaja, tetapi meningkatkan kesedaran kepada khalayak untuk mengusahakan jalan penyelesaian yang terbaik bagi menangani sebarang cabaran serta kebimbangan dalam kehidupan seharian.
- iii. Memperlihatkan usaha dan tekad pengarang untuk mengangkat darjat manusia ke tempat yang lebih tinggi dan mulia.

1.5 Skop dan Batasan Kajian

Umumnya, kajian ini membataskan hanya kepada karya-karya sastra terpilih Kuntowijoyo. Kuntowijoyo merupakan seorang pengarang dari Indonesia yang telah menghasilkan beberapa karya kreatif seperti kumpulan puisi, cerpen, novel dan beberapa kritikan teori sastra serta penulisan-penulisan ilmiah yang bersifat sejarah dan sosio-agama. Kecenderungan pemilihan Kuntowijoyo dan karya-karyanya bagi kajian ini berasaskan kepada pengamatannya yang serius dalam meninjau gejala masyarakat dari pelbagai kelompok kelas sosial. Lantaran itu, bukan sekadar kepekaan dan respon pengarang dalam merungkai hal ehwal manusia yang tidak selesai. Bahkan rasionalnya di ambil kira dari segi ikhtiar pengarang dalam menjana langkah kemanusiaan yang membumi.

Jika diteliti, Kuntowijoyo bukan sahaja seorang pengarang yang menghasilkan karya kesusasteraan tetapi juga seorang ilmuan yang mengasaskan teori Sastra Profetik. Beliau juga menyumbang kepada perkembangan Ilmu Sosial Profetik dengan

bertunjangkan tiga perkara penting, iaitu humanisasi, liberasi dan transendensi (Kuntowijoyo, 2004, hlm. 17). Dengan perkataan lain, gagasan ini bertitik tolak ke arah pertanggungjawaban yang secepat dalam menghidupkan semula nilai kemanusiaan Islam. Tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa pemikiran dan cara pandang Kuntowijoyo mengenai manusia mengukuhkan lagi wacana pembebasan dan pembaharuan dalam karya-karyanya. Jadi, tidak hairanlah Kuntowijoyo mempunyai pendirian dan pemikiran progresif khususnya terhadap sejarah bangsa yang berada dalam lingkungan realitinya.

Pada dasarnya, pemilihan karya sastra terpilih Kuntowijoyo berasaskan kepada gagasan Sastra Profetik yang turut terpancar daripada teori humanisme Islam oleh Ali Shari'ati. Hal ini kerana, tiga elemen penting dalam etika Profetik, yakni humanisasi, liberasi dan transendensi menjadi dasar dan pelengkap kepada proses kreatif sekali gus kepengarangan Kuntowijoyo. Menurut Mohamad Yazid Abdul Majid et. al (2017), tiga elemen etika Profetik tersebut saling lengkap-melengkapi malah berupaya mengkedepankan kesedaran ketuhanan (*habl min Allah*) dan kesedaran kemanusiaan (*habl min al-Nas*) yang dicita-citakan. Dalam konteks ini, Kuntowijoyo memandang agama Islam sebagai ajaran yang menyeluruh dan tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan. Justeru, beliau juga menetapkan bahawa sesebuah karya sastra harus mengangkat tema-tema humanisasi dan liberasi tanpa mengabaikan tema transendensi. Yang paling jelas, karya sastra tidak hanya bersifat kerohanian sahaja dan ketiga-tiga elemen etika Profetik yang digagaskan hendaklah selari dengan peradaban serta budaya masyarakatnya.

Sehubungan itu, antara karya-karya terpilih Kuntowijoyo yang akan diberikan tumpuan dalam kajian ini ialah terdiri daripada tiga buah novel iaitu *Pasar* (1994), *Mantra Pejinak Ular* (2000) dan *Wasripin dan Satinah* (2003), termasuklah drama

Topeng Kayu (2001) serta kumpulan cerpen yang bertajuk *Mengusir Matahari: Fabel-Fabel Politik* (1999). Karya yang pertama ialah novel *Pasar* (1994) yang mengisahkan liku-liku perjalanan kehidupan Pak Mantri, iaitu seorang Jawa yang terpelajar dan berketurunan *Priyayi*. Beliau diberikan amanah dan bertanggungjawab untuk memimpin pasar di sebuah kota kecil yang mengalami fasa perubahan sosial dan kebudayaannya. Novel ini memperlihatkan pendirian pengarang tentang jurang perbezaan antara golongan dominan dan bawahan, yakni dengan semangat untuk mengembalikan semula fitrah manusia sebagai makhluk yang bebas di muka bumi Tuhan.

Seterusnya, novel *Mantra Penjinak Ular* (2000) berlatarkan pemerintahan Orde Baru di Indonesia. Pemilihan novel ini amat penting kerana menggambarkan sisi keberpihakan yang membebaskan serta tindakan pembaharuan ke atas lingkungan sosial dan budaya masyarakat setempat. Novel yang ketiga digunakan ialah novel *Wasripin dan Satinah* (2003) yang menceritakan watak Wasripin seorang yang miskin dari Jakarta telah datang ke sebuah kampung untuk mencari asal usul dirinya. Kehadiran Wasripin dikatakan utusan Nabi Hidhir A.S dan ada juga beranggapan sebagai '*Ratu Adil*' sehinggakan Wasripin yang miskin itu diangkat darjatnya, disegani dan dihormati oleh penduduk kampung. Ternyata novel ini jelas mengetengahkan sikap untuk menangkis ketertindasan manusia oleh orang lain demi memajukan anak bangsa pada agama yang lurus.

Drama *Topeng Kayu* (2001) turut dijadikan bahan kajian. Watak-watak dalam drama ini terdiri daripada Juru Kunci, Para Pelancong, Laki-Laki Tua, Pelacur, Pedagang, Topeng Kayu dan Topeng-Topeng. Hakikatnya, setiap watak hidup dalam konflik yang tersendiri dan pengarang menjadikan drama ini sebagai suatu bentuk pembelaan dan pembebasan kepada kemanusiaan yang sejagat. Karya yang terakhir yang akan digunakan sebagai bahan kajian ini ialah *Mengusir Matahari: Fabel-Fabel*

Politik (1999), iaitu terdiri daripada kumpulan cerita binatang dan suatu sudut pandang pengarang yang berbentuk sindiran serta teguran terhadap kekuasaan politik serta manipulasi ekonomi, sosial dan budaya. Jika diperhatikan, teks ini membantu merumuskan permasalahan sosial yang berbangkit bagi mencari solusi dan implikasi daripada keperitan manusia tersebut.

Harus ditekankan di sini, karya-karya sastera Kuntowijoyo yang dipilih ini bukan sahaja mendasari konteks kemanusiaan. Bahkan ia sangat memberati hal ehwal wacana pembebasan dan pembaharuan terhadap masyarakatnya. Keterbatasan pemilihan karya sastera Kuntowijoyo sahaja tanpa sebarang kajian perbandingan karya lain tentunya mengambil kira kesesuaian bagi mengaplikasikan perspektif humanisme Islam yang sememangnya jarang digunakan dalam korpus kesusasteraan. Yang jelas, karya-karya sastera terpilih Kuntowijoyo sememangnya ditanggapi sebagai Sastera Profetik, yakni merangkumi tiga elemen etika Profetik dan mencapai tahap '*kaffah*'. Oleh itu, analisis terhadap karya-karya sastera terpilih Kuntowijoyo tersebut berupaya menampilkan keterkaitan sekali gus saling bergandingan dengan pendekatan teori humanisme Islam oleh Ali Shari'ati. Hal ini bermakna, perbincangan memberi fokus kepada kefahaman mengenai kemanusiaan yang seimbang, iaitu tidak hanya semata dibatasi isu-isu pemberdayaan manusia secara dominan termasuklah orientasi Tauhid yang menjadi keutamaan pembangunan kehidupan masyarakat dan alam semesta.

1.6 Tinjauan Kajian Lepas

Bagi kajian ini satu tinjauan kajian lepas dilakukan terhadap beberapa buah buku, makalah dan tesis yang berkaitan. Kajian ini juga merangkumi beberapa bidang seperti sastera dan falsafah humanisme Islam. Justeru, dua bidang yang berkaitan ini telah dikenalpasti dengan memberikan tumpuan kepada kajian terhadap karya-karya

sastera Kuntowijoyo, wacana Sastera Profetik Kuntowijoyo, konsep humanisme Islam dan pemikiran Ali Shari'ati, yakni berlandaskan objektif dalam kajian ini.

1.6.1 Kajian Terhadap Karya-Karya Sastera Kuntowijoyo

Kajian terhadap karya-karya sastera Kuntowijoyo telah dilakukan secara meluas sekali gus memperlihatkan analisis dan perbincangan secara tekstual oleh pengkaji melalui pelbagai perspektif. Antaranya novel *Pasar* (1994) telah mendapat perhatian pengkaji dengan mengemukakan perihal kehidupan dan sistem sosial manusia khususnya dalam masyarakat Jawa. Sehubungan itu, Ivana Septia Rahaya et. al. (2021) meneliti novel *Pasar* (1994) melalui pendekatan antropologi sastera untuk mengetengahkan latar tempat, sistem kepercayaan dan budaya, penggunaan bahasa daerah, status sosial dan falsafah Jawa sebagai prinsip hidup masyarakat setempat. Dalam hal ini, identiti masyarakat Jawa diserlahkan daripada golongan bawahan sehingga ke pihak atasan. Sesungguhnya, karya sastera bukan sekadar merincikan imaginasi pengarang tetapi menunjukkan identiti dan gambaran sosial kehidupan masyarakat yang berupaya memberikan nilai-nilai positif kepada khalayak pembaca.

Walau bagaimanapun, wujudnya konflik sosial dalam novel *Pasar* (1994) sekali gus memperlihatkan pertentangan dua individu yang berbeza. Dalam erti kata lain, kedua-dua individu tersebut merupakan tokoh dominan masyarakat yang dilihat sebagai manusia yang memperjuangkan kehendak masing-masing. Salah satunya bertindak menyanggah penindasan dan menegakkan keadilan demi kesejahteraan masyarakat daripada kerakusan golongan manusia kapitalis. Justeru, Thera Widyastuti (2021) mendedahkan konflik sosial dengan mengaplikasikan pendekatan sosiologi sastera dan teori konflik oleh Karl Marx. Kajian ini menonjolkan bahawa kemunculan pasar baharu dan bank milik Kasan Ngali menjejaskan prestasi Pak Mantri sebagai

ketua pasar, yakni mewakili golongan *priyayi* di daerah Gemolong. Malah, golongan kapitalis seperti Kasan Ngali berterusan mengaut keuntungan peribadi sehingga sanggup mengabaikan kebajikan masyarakat bawahan yang terpinggir. Mengaitkan dengan hal ini, Abdul Basid et. al (2019) menampilkan konflik sosial dalam novel *Pasar* (1994) berdasarkan perspektif Max Weber. Dapatan kajian telah menunjukkan dua bentuk konflik sosial yang terdiri daripada pelanggaran undang-undang oleh pedagang pasar dan tuduhan untuk menolak pentadbiran ketua pasar. Perspektif kajian ini cenderung untuk mendedahkan hubungan yang tidak harmoni antara Pak Mantri dengan pedagang-pedagang pasar. Hal ini bermakna, sikap keras kepala Pak Mantri yang lebih mementingkan burung-burung peliharaannya telah menjejaskan pengurusan pasar tersebut.

Di samping itu, konflik sosial yang berlaku dalam novel *Pasar* (1994) turut mendedahkan sikap dan kepimpinan Pak Mantri sebagai ketua pasar. Wiwin Kurnia Widyanti (2019) menonjolkan dominasi penguasa melalui pendekatan sosiologi sastera dengan mengemukakan beberapa aspek, iaitu aspek kepimpinan, aspek perekonomian, aspek etika dan aspek politik. Namun begitu, kajian ini sebenarnya lebih cenderung memaparkan konflik kelas antara dua orang penguasa pasar, yakni Pak Mantri dan Kasan Ngali sebagaimana yang diketahui bahawa Pak Mantri membawa imej ketua pasar yang jujur serta bertanggungjawab untuk pembangunan masyarakatnya. Manakala Galang Indra Aldiansyah (2018) pula melihat novel *Pasar* (1994) berteraskan kepada teori strukturalisme-genetik oleh Lucien Goldman, yakni sebahagian daripada disiplin ilmu sosiologi sastera. Maka dengan demikian, permasalahan dan konflik sosial menjadi perbincangan utama dalam kajian ini.

Sesungguhnya dapatan keempat-empat kajian berdasarkan novel *Pasar* (1994) masih belum mendapat mengangkat persoalan kemanusiaan secara serius dan lebih

mendalam. Pendek kata, penelitian dan pendekatan humanisme Islam yang menyoroti hal ehwal pemberdayaan manusia dan wacana keadilan daripada pelbagai perspektif amat diperlukan dalam kehidupan masyarakat hari ini. Ternyata, idealisme pembebasan dan pembaharuan harus menjadi persoalan pokok dan cara fikir dalam memahami situasi masyarakat yang adil. Namun begitu, perbahasan mengenai pemerksaan wanita telah mendapat perhatian pengkaji. Untuk itu, Anwar Efendi (2013) memfokuskan empat buah karya sastera Kuntowijoyo yang terdiri daripada *Khotbah Di Atas Bukit* (2007), *Mantra Pejinak Ular* (2000), *Wasripin dan Satinah* (2003) serta *Pasar* (1994). Analisis bertujuan untuk menyerlahkan penghapusan diskriminasi gender dengan mengangkat pendekatan feminisme profetik ke atas karya-karya yang dipilih. Hasil penelitian menunjukkan bahawa setiap tokoh wanita dalam novel-novel Kuntowijoyo tersebut berperanan penting dalam kehidupan sosial masyarakat sekali gus berupaya menentukan pilihan sendiri sejajar dengan golongan lelaki. Menariknya di sini, pendekatan feminisme yang diaplikasikan mampu melihat kekuatan tokoh wanita sebagaimana yang digambarkan oleh Kuntowijoyo dalam novel-novelnya. Dalam erti kata lain, kajian ini membuka ruang mengenai perbahasan misi profetik atau kenabian dengan lebih utuh.

Selain itu, karya-karya sastera Kuntowijoyo seperti *Mantra Pejinak Ular* (2000) serta *Wasripin dan Satinah* (2003) turut mendapat perhatian para pengkaji. Misalnya, Kusmarwanti (2015) melihat kedua-dua buah novel tersebut dengan mengaplikasikan pendekatan teori sosiologi sastera. Daripada pendekatan tersebut, tokoh orang tua dalam kedua-dua buah novel itu berupaya merefleksikan persoalan dan permasalahan politik Orde Baru pada masa tersebut. Tidak dinafikan bahawa, kajian ini dapat mengungkapkan segala kerosakan penguasa dan keburukan sistem politik pemerintahan Orde Baru. Berdasarkan pendekatan sosiologi sastera, Nani Mardiani

(2017) membawa persoalan kehidupan masyarakat desa dalam novel *Mantra Pejinak Ular* (2000). Hasil penelitian yang dikemukakan berteraskan tiga nilai seperti nilai budaya, nilai politik dan nilai percintaan. Secara tersirat, ketiga-tiga nilai tersebut dianalisis dengan memberi perhatian kepada permasalahan dan peristiwa-peristiwa penting yang dialami oleh watak-watak utama dalam novel tersebut. Dari sini membuktikan bahawa pendekatan sosiologi sastera merupakan suatu kaedah metodologi yang relevan untuk mengungkapkan sekali gus memahami persekitaran masyarakat setempat.

Begitu juga dengan Giyato (2010) menilai novel *Pasar* (1994), *Mantra Pejinak Ular* (2000) serta *Wasripin dan Satinah* (2003) berlandaskan kepada pendekatan struktulisme genetik. Dalam kajian ini aspek sosiologi sastera berupaya menampilkan pandangan profetik pengarang yang merangkumi hal ehwal kesenian, politik, sosial, budaya, ekonomi, pendidikan dan nilai-nilai moral. Menariknya, kajian ini memberi pendedahan kepada penerapan pemikiran pengarang, iaitu Ilmu Sosial Profetik melalui novel-novelnya. Misi profetik atau tugas kenabian dilihat sebagai aspek yang perlu diperkukuhkan demi mendidik masyarakat hari ini. Soalnya, kajian tersebut hanya bertumpu dalam lingkungan struktur teks dan makna tekstual sahaja. Kefahaman misi profetik tidak hanya berfungsi untuk mendidik tetapi seharusnya disertai dengan tanggungjawab dan kesedaran kemanusiaan yang kukuh.

Berbeza pula dengan Tirto Suwondo (2005) yang memberi perhatian kepada gaya kepengarangan Kuntowijoyo dalam novel *Mantra Pejinak Ular* (2000). Dalam konteks ini, penelitian dilakukan untuk mendedahkan pemikiran Kuntowijoyo terhadap realiti sosial-politik yang berlaku pada zaman pemerintahan Orde Baru. Analisis ke atas novel tersebut dengan mengaplikasikan pendekatan “*three in one*”, iaitu pola pengalaman, pola imaginasi dan pola nilai yang diasaskan oleh Kuntowijoyo

sendiri dalam proses kreatifnya. Malah dengan idea penceritaan yang tersendiri, pengarang berupaya mengungkapkan sejarah sosio-politik dalam karya sasteranya. Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa rakaman pengalaman pengarang dijadikan wadah bagi menyanggah segala perilaku dan kuasa pemerintahan yang mendominasi pada zaman tersebut. Melalui pengamatan ini, diketemukan jurus pandang pengarang dalam merekonstruksikan semula sejarah Indonesia yang berlaku pada ketika itu. Secara tidak langsung, idea manusiawi dalam karya sastera Kuntowijoyo dapat dikesani. Pendek kata, kajian ini sedikit sebanyak telah membuka ruang dan menawarkan penilaian yang lebih mendalam terhadap karya-karya Kuntowijoyo yang akan dikaji. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai teori humanisme Islam ke atas karya-karya Kuntowijoyo tidak dibincangkan secara khusus. Justeru hal ini boleh menjadi titik tolak untuk diwacanakan dengan lebih lanjut menerusi kajian ini.

Seterusnya, perbincangan dan aplikasi teori humanisme Islam ke atas karya sastera terpilih Kuntowijoyo pada dasarnya memberi penekanan terhadap konsep Tauhid dan etika moral manusia yang sejagat. Bagi Mohd Faizal Musa (2011b), novel *Khotbah Di Atas Bukit* (2007) dianalisis berdasarkan bacaan kesusasteraan transendental. Pada hakikatnya, novel ini telah disalah ertikan dan ditanggapi oleh masyarakat Indonesia sebagai novel yang dapat menjejaskan fahaman Tauhid umat Islam. Hal ini demikian kerana, wujudkan keaburan makna dan simbol sufisme Kuntowijoyo ke atas novel tersebut. Sesungguhnya kajian ini menyangkal kekeliruan pembaca yang menyamakan prinsip Kuntowijoyo dengan teologi global, yakni sebagai fahaman yang menular dalam kalangan liberal Islam di Indonesia. Kajian ini juga memperlihatkan keupayaan Kuntowijoyo mengaplikasikan unsur tempatan, iaitu '*Kejawen*' (*Sufisme Jawa*) sebagai suatu simbolisme bagi menonjolkan konsep keimanan dan Tauhid dalam novel tersebut. Secara amnya, kajian ini hanya menggarap

pemikiran Kuntowijoyo melalui gagasan sastra transendental berdasarkan acuan Tauhid dan keesaan Tuhan. Walau bagaimanapun, perkara yang hendak ditekankan di sini adalah humanisme Islam yang merespon kepada hal ehwal manusiawi dan mengetengahkan idea-idea pembaharuan dalam masyarakat masih belum mendapat perhatian yang kukuh.

1.6.2 Konsep Humanisme Islam

Bagi meneliti pendekatan teori humanisme Islam yang akan diaplikasi dalam kajian ini, beberapa buah buku, tesis dan makalah yang menawarkan bacaan ini turut dilihat dan dikupas. Antaranya, Lee Ken Teo (2015) memberi tumpuan kepada aliran falsafah sebagai cara hidup. Tumpuan kajian ini diberikan kepada persoalan dan tindakan moral, kehidupan praktikal dan keadaan konkrit dan sastra, seni dan estetika. Jelasnya, kedudukan falsafah humanisme merupakan suatu pertentangan kebebasan yang bersifat otoritarian. Kajian ini juga mengangkat sajak Usman Awang, iaitu 'Yang Lahir dan Yang Mati' kerana sajak tersebut memerihalkan kebebasan dalam membuat pilihan. Hal ini demikian kerana, kebebasan merupakan asas titik tolak falsafah humanisme yang dikemukakan. Justeru, falsafah humanisme di Malaysia mempunyai keterkaitan dengan gerakan sastra dari tahun 1950-an sehingga 1980-an. Secara tidak langsung, perbahasan dalam kajian ini cenderung ke arah kajian humanisme Islam yang akan dilakukan dan intipatinya penting untuk diambil kira.

Marcel A. Boisard (1980) pula membicarakan dan menganalisis idea-idea mengenai Islam dan manusia. Kajian ini menghuraikan hak-hak manusia, persamaan, kedudukan wanita, keadilan, negara Islam serta persoalan-persoalan yang berlaku dalam masyarakat Islam. Pada hakikatnya, penulis mengemukakan usaha ke arah membentuk suatu masyarakat yang baharu. Malah, penulis turut menyarankan agar

Islam dan kemanusiaan difahami dengan menimbang semula sesuatu aturan yang membawa kepada penyelesaian dalam masyarakat itu. Selain itu, pendekatan humanisme Islam pernah disentuh dan dibahaskan oleh Imam Al-Ghazali. Anthony H. Johns (2013) dalam makalahnya *'Al-Ghazali and the foundations of an Islamic humanism'* menampilkan bahawa asas humanisme Islam oleh Al-Ghazali berpusatkan kepada keesaan Tuhan, yakni Tauhid. Pemikiran Al-Ghazali menawarkan keserasian akal dan sains yang jelas berupaya menjadi sumber perkembangan intelektual dan kerohanian bagi manusia. Sesungguhnya, berdasarkan *kitab adab al-sama wa l-wajd (Protocols for Spiritual – Audition and Ecstasy)* memperlihatkan kesedaran kemanusiaan dalam tradisi Islam begitu menghargai potensi manusia yang melibatkan persoalan duniawi tanpa menepikan etika perundangan Islam.

Mengaitkan dengan hal ini, Bassam Tibi (2012) membahaskan mengenai dua ideologi yang berbeza, yakni humanisme Islam dan Islamisme. Kedua-dua fahaman tersebut membawa kesan yang ketara dalam kehidupan umat Islam khususnya. Melalui makalahnya *'Islamic humanism vs. Islamism'* jelas memperlihatkan suatu tafsiran terhadap istilah dan ideologi humanisme yang bertitik tolak daripada Barat bagi menghidupkan semula kemanusiaan dalam tradisi Islam. Sesungguhnya, tafsiran Islam yang bertolak ansur membawa kepada pembaharuan sosial dan asas demokrasi yang terbuka dalam pemikiran politik Islam. Pada masa yang sama, Islamisme dilihat sebagai fenomena moden yang muncul pada abad ke-20 sekali gus bersifat radikal dan bertentangan dengan aliran tradisi Islam klasik. Justeru, kebangkitan Islamisme menjejaskan wacana pembaharuan, yakni menunjukkan cabaran dan implikasi yang besar terhadap pemikiran humanisme dalam tradisi Islam hari ini.

Pendek kata, perbincangan mengenai konsep humanisme Islam berupaya membangunkan kebijaksanaan dan pandangan yang baharu dalam sesebuah tamadun.

Dalam hal ini, Ibrahim M. Zein (2012) meneliti humanisme Islam berdasarkan perspektif Ismail Al Faruqi. Dalam makalah ini, beliau telah memfokuskan beberapa buah karya, yakni tulisan Al Faruqi yang membawa kepada pemahaman humanisme dalam wacana etika Islam. Walaupun Al Faruqi tidak menyatakan secara khusus mengenai istilah humanisme Islam tetapi latar belakang Al Faruqi yang bertumpu kepada pembentukan negara Islam dapat menyakinkan tentang adanya visi Islam yang universal. Berdasarkan prinsip metodologi Islam, Al Faruqi menyarankan kepentingan dan kesatuan ilmu sehingga muncul satu wacana Islamisasi Ilmu yang memperlihatkan kesedaran Tauhid yang mengarah kepada konsepsi Islam syumul. Dari sini, Al Faruqi memperlihatkan bahawa humanisme Islam tidak meletakkan manusia pada tahap '*egocentric*', yakni berpusatkan diri sendiri. Yang jelas, seseorang manusia mempunyai kehendak yang bebas menepati konsep khalifah sekali gus bersikap amanah dan beretika kepada persekitarannya.

Secara keseluruhannya, pendekatan konsep humanisme dalam Islam memberi suatu keterbukaan dan kesejagatan dalam perkembangan nilai dan peradaban insan. Konsep humanisme Islam jelas mempunyai rasionaliti yang cenderung untuk mengasuh manusia menggunakan akalanya. Oleh yang demikian, perkembangan dan penjenamaan teori humanisme Islam yang akan diaplikasikan melalui kajian ini berorientasikan pemikiran wahyu Islam sekali gus dapat memberi impak yang besar dalam teori sastera tempatan.

1.6.3 Pemikiran Ali Shari'ati

Kajian lepas yang seterusnya akan meneliti mengenai pemikiran Ali Shari'ati. Hal ini bermakna, makalah dan buku yang berkaitan dalam membahaskan persoalan teori humanisme Islam oleh Ali Shari'ati akan bincangkan. Dalam konteks ini, Basman

(2007) telah meneliti pemikiran Ali Shari'ati mengenai persoalan penciptaan manusia. Pemaknaan istilah humanisme Islam di sini tidak berunsurkan ideologi tetapi disebut dengan jelas oleh Ali Shari'ati sebagai suatu pemikiran. Seperti yang diketahui, konsep humanisme dengan jelas mengangkat manusia secara dominan yang nyata berupaya menentukan nasibnya sendiri. Sebaliknya humanisme Islam pula ditanggapi dengan perasaan merendah diri dan pasrah kepada kehendak Tuhan. Pada hakikatnya, pembicaraan Basman ini berasaskan pandangan Jacques Maritain (1973) yang mengkategorikan humanisme kepada dua bahagian, iaitu humanisme antroposentris dan humanisme teosentris. Dari kedua-dua bahagian humanisme tersebut, Maritain telah merumuskan bahawa pemikiran humanisme sebagai humanisme agama. Lalu, humanisme agama ini merujuk kepada kedudukan manusia yang diangkat pada kedudukan istimewa sebagai khalifah di muka bumi. Justeru, pemikiran Ali Shari'ati dilihat termasuk dalam kelompok humanisme agama yang menjadikan Islam sebagai dasar pemikirannya secara gus dikenali sebagai humanisme Islam. Oleh yang demikian, kajian ini menjadi titik tolak kepada pemahaman humanisme Islam dan idea yang digagaskan berperanan penting terhadap penelitian ke atas karya sastra Kuntowijoyo.

Bertitik tolak daripada pemikiran Ali Shari'ati mengenai konsep humanisme Islam, Rahmat Febrian et. al (2022) melihat hubungkaitnya dengan permasalahan Pendidikan Islam di Indonesia. Permasalahan kajian ini merujuk kepada orientasi pengajian Islam yang lebih bersifat komersial dan populis, yakni cenderung untuk mengaut keuntungan demi kepentingan pihak tertentu. Dalam erti kata lain, asas Pendidikan Islam di Indonesia telah rapuh seakan hilang moral etikanya. Lantas, konsep humanisme Islam oleh Ali Shari'ati dibincangkan untuk diaplikasi sekali gus menolak permasalahan yang terjadi. Sesungguhnya, teras utama humanisme Islam oleh

Ali Shari'ati adalah Tauhid yang berupaya memupuk manusia ideal sehingga menjadi *Rausyanfikir*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Pendidikan Islam di Indonesia tidak seharusnya menumpukan persoalan keagamaan yang hanya bersifat kognitif, yakni sekadar memenuhi keperluan semasa. Secara serius, dasar Pendidikan Islam perlu juga menitik beratkan persoalan potensi manusia yang mampu membangunkan masyarakatnya dengan lebih bertanggungjawab.

Di samping itu, Saifullah (2002) telah membahaskan pemikiran Ali Shari'ati dengan memfokuskan peranan intelektual Muslim. Dalam erti kata lain, membincang semula istilah intelektual, yakni identiti dan peranan seorang intelektual sebagai pelaku sejarah sekali gus menegakkan nilai-nilai kebenaran. Dalam kajian tersebut, ciri-ciri atau klasifikasi intelektual diteliti melalui pendekatan Lewis Coser dan menyimpulkan bahawa *Rausyanfikir* oleh Ali Shari'ati merupakan golongan intelektual yang mampu mengritik kezaliman para pemegang kuasa. Yang jelas, konsep *Rausyanfikir* diperinci dan disusun semula berdasarkan pandangan serta penghujahan Ali Shari'ati. Dapatan kajian ini juga menampilkan pengaruh pemikiran Ali Shari'ati dalam kalangan intelektual di Indonesia. Ini menjadikan perbincangan pemikiran tidak hanya berasaskan idealisme tetapi menghidupkan sudut pandang dengan realiti kehidupan masyarakat Islam khususnya.

Kecenderungan pemikiran Ali Shari'ati berteraskan konsep *Rausyanfikir* turut mendapat perhatian Norfarahani Rosman dan Mohd Shaukhi Mohd Radzi (2020). Perihal konsep *Rausyanfikir* ini dapat difahami menerusi tiga aspek utama, iaitu intelektualisme, ideologi dan idealisme. Pada hakikatnya, kajian ini menanggapi semula pemikiran Ali Shari'ati yang melibatkan pemberdayaan para intelektual. Di sini, peranan intelektual diangkat dalam struktur masyarakatnya sekali gus membentuk suatu kesedaran sosial. Hal yang paling jelas menunjukkan bahawa, pencapaian